

LATIHAN MENGHADAPI RISIKO BENCANA BANJIR: SATU PENILAIAN AMAL RESCUE TEAM (ART) UNIT BARISAN HADAPAN JABATAN AMAL MALAYSIA

AHMAD ZAFRAN SHAHRUL AZHAR

Faculty of Management and Muamalah
Selangor International Islamic University College (KUIS), Bangi
ahmadzafran3980@gmail.com

NAJMUDDIN ABDUL RAHIM (M.A)

Department of Geosciences
Universiti Teknologi Petronas (UTP), Perak

MUHAMMAD AMALUDDIN MOHAMED AZHAR

Safety Department, Enviromental Management
Consist College, Selangor
amaluddinazhar9909@gmail.com

ABSTRACT

Amal Rescue Team (ART) adalah salah satu organisasi di bawah Jabatan Amal Malaysia (JAM). ART mendapat latihan untuk menangani bencana alam dalam melaksanakan semua aspek tugas penyelamatan dan kebajikan. ART banyak terlibat dalam mengurus dan mentadbir bantuan kebajikan dan keselamatan awam dalam membantu membentuk sukarelawan untuk mendapatkan latihan profesional dalam pelaksanaan program ini. Bencana sering berlaku di luar jangkaan dan kesannya adalah kehilangan harta benda, nyawa dan kesejahteraan manusia. ART mendapat latihan khusus dari Akademi Bomba seperti memadamkan kebakaran, menyelamatkan mangsa lemas dengan pengiktirafan daripada pusat latihan bertauliah. ART juga mempunyai anggotanya yang mahir dalam bidang pertolongan cemas. Semasa bencana, pelbagai agensi kemanusiaan bertindak balas dalam membantu pemerintah dalam proses pemulihan. Sukarelawan adalah salah satu peranan yang paling penting dalam pekerjaan bantuan bencana. Walau bagaimanapun, risiko keadaan bencana menyukarkan sukarelawan. Cabaran bencana juga mempengaruhi kesihatan dan keselamatan sukarelawan. Meneroka kesan bencana boleh menjadi kesihatan dan keselamatan sukarelawan. Hasil kajian ini mengesyorkan bahawa ada keperluan penting untuk lebih banyak lagi penyeragaman dan bentuk latihan yang berkesan, yang menangani masalah tugas, keadilan, peranan dan tanggungjawab, peruntukan risiko. Lebih banyak usaha harus dilakukan dibuat untuk menerapkan pengurusan risiko dengan betul dalam latihan menghadapi bencana.

Kata kunci: *Bencana, sukarelawan, latihan.*

PENGENALAN

Perubahan iklim yang semakin meruncing kini menyebabkan sistem alam sekitar tidak dapat mengawal situasi cemas ketika berlakunya bencana banjir. Kawasan bandar perlu bersedia menghadapi risiko bencana yang kerap wujud di Malaysia ini. Namun, ianya bukanlah satu perkara baru, khusus negeri yang berdekatan dengan laut atau sungai besar seperti Selangor sudah menjadi setiap tahun apabila tiba sahaja hujung tahun pastinya bersedia menghadapi suasana banjir. Terdapat objektif utama menumpukan bagaimana menguruskan bencana ketika kejadian.

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan mengumpulkan soal kaji selidik melihat responden memberikan maklum balas melalui borang yang diserahkan. Peranan latihan kepada petugas menghadapi bencana banjir. Hasil daripada penilaian ini, kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak kerajaan atau pihak Badan Bukan Berkanun (NGO), individu yang terlibat dalam menambah baik pengurusan bencana supaya meningkatkan kemahiran, kecekapan dalam peredaran zaman yang melibatkan teknologi baru.

Menurut Rokiah (2014) kejadian banjir ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malah ia juga berlaku di seluruh dunia tetapi berbeza bentuk kejadian. Tambahan pula, menurut Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO), Malaysia juga tidak terlepas dari menerima bencana banjir pada musim tengkujuh setiap hujung tahun ini ditambah dengan pandangan pengkaji Ishak, (2014) sebahagian besar negeri-negeri di negara ini tidak terlepas daripada menerima ancaman banjir yang sudah biasa dengan fenomena banjir pada musim tengkujuh setiap tahun. Tambahan lagi, fenomena banjir ini dikatakan sebagai suatu bencana kerana mengakibatkan risiko yang tinggi seperti kematian, kemusnahan harta benda.

Istilah Banjir dalam Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) mentakrifkan Banjir adalah keadaan air menenggelami kawasan sering dilanda bah besar. Kamus Oxford Fajar Bahasa Inggeris pula memberi maksud Banjir adalah kuantiti air yang banyak datang di tempat biasanya kering, (*inundation, flood, great quantity of water coming over a place usually dry, great outpouring*). Manakala dalam bahasa Arab pula, terdapat dua perkataan yang biasanya digunakan untuk mewakili banjir iaitu, 'Faïdhonât' فيضانات, dan 'Suyul' سيول. Faïdhonât bermaksud, peningkatan tinggi paras air di sungai atau lembah wadi daripada tebingnya Al-Sarwa, (2011), Manakala Suyul bermaksud, pergerakan air ke permukaan tanah daripada kawasan yang tinggi ke kawasan yang rendah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Zhang, (2002) berlaku bencana seperti banjir, pelbagai kesan yang dihadapi oleh mangsa bencana seperti kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda, kecederaan, gangguan emosi dan jangkitan penyakit. Namun, dengan kebijaksanaan sukarelawan yang melibatkan diri pengurusan bencana secara sistematik.

Merujuk Ahmad Dahlan et al, (2013) mengendalikan hasil daripada latihan yang diperolehi bagi proses pelaksanaan bencana adalah satu kaedah untuk mengurang atau mengawal potensi kerugian dan bahaya akibat bencana dan memastikan bantuan segera dapat disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana dalam usaha untuk mencapai pemulihan yang cepat dan berkesan. Oleh itu dengan adanya pengurusan yang baik daripada petugas disediakan dengan latihan yang secukupnya menepati keperluan semasa sudah pasti pengurusan bencana ini dapat diatasi dengan baik.

METHODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Metologi kajian merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan yang timbul daripada objekif kajian. Secara umumnya, pengkaji ingin mengkaji dari aspek latihan dan pengurusan bencana banjir. Oleh itu, reka bentuk ini membincangkan kaedah teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu rumusan. Tambahan pula, pengkaji mengfokuskan aspek analisis data, instrument kajian, responden kajian, kaedah pengumpulan data, reka bentuk kajian dan tempat kajian. Tujuan metodologi ialah membantu memahami dengan lebih luas lagi tentang pengaplikasi dengan membuat huraian tentang proses kajian

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah prosedur rangkaian secara teknikal melalui pemprosesan pemberi maklumat secara saintifik. Ianya adalah satu perancangan yang mempunyai tujuan yang membolehkan pengkaji menjalankan kajian dengan sempurna dan mencari penyelesaian bagi sesuatu permasalahan. Selain itu, reka bentuk kajian yang lebih terancang juga dapat membantu mendapatkan maklumat tepat berkaitan kajian.

Lantaran itu, dalam menjalankan suatu penyelidikan, penggunaan kaedah melalui kuantitatif amat penting dan perlu dititikberatkan. Kuantitatif bermaksud penelitian ilmiah yang sistematik terhadap bahagian-bahagian serta di dalam sesuatu penyelidikan. Menurut Ruhizan Mohammad Yasin et al, (2014), data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang rapi iaitu pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan. Semua penyelidikan melibatkan pengutan data. Instrumen yang telah digunakan dalam kajian ini adalah melalui borang soal selidik.

Reka Bentuk Persampelan

1. Populasi

Menurut Noor Hazani, (2004), populasi adalah kumpulan yang berpotensi untuk terlibat dalam nilai keputusan kajian. Populasi melibatkan responden terdiri daripada ahli Amal Rescue Team (ART), Jabatan Amal Malaysia Negeri Selangor.

2. Sampel

Mohd Najib (2003), persampelan rawak adalah penyelidik mengenalpasti responden dan menghantar borang kaji selidik kepada responden yang dikenalpasti dengan membuat pilihan secara rawak. Dalam kajian ini, penentuan sampel kajian perlu mewarisi populasi berdasarkan kaedah yang digunakan oleh Krejice and Morgan, (1970).

3. Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data adalah kajian menggunakan borang soal selidik sebagai langkah bagi mempraktikkan pengumpulan data, kemudian data yang diperolehi akan dibandingkan dengan nilai statistik. Jika responden tidak mahu menjawab borang soal selidik, pengkaji seharusnya menghormati keputusan responden dan mencari responden yang lain. Selain itu, kaedah pengumpulan data akan dibincangkan adalah memfokuskan kepada sumber data. Dua sumber yang diperolehi di dalam kajian iaitu data primer dan data sekunder. Borang soal selidik menggunakan dua (2) kaedah, pertama bertemu secara fizikal dan keduanya, melalui *link whatapps* dan menggunakan email.

4. Data Primer

Data primer merupakan data asal yang diperolehi daripada responden. Hubungan itu, melalui data tersebut perolehan maklum balas didapati daripada borang kaji selidik yang diedarkan kepada responden ahli Amal Rescue Team (ART), Jabatan Amal Malaysia Negeri Selangor.

5. Borang Kaji Selidik

Borang kaji soal selidik ini mengandungi soalan-soalan yang disusun secara teratur dan bersesuaian dengan responden yang dipilih. Selain itu, ia juga merupakan salah satu alternatif bagi mempraktikkan kaedah pengumpulan data dan data yang diperolehi itu akan dikemaskini menjadi satu kajian yang lengkap.

6. Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang terpenting kerana ia diperlukan bagi menerangkan tajuk kajian, mendapatkan fakta dan hasil penemuan yang telah dibuat daripada kajian-kajian lepas. Sumber-sumber lain yang diperolehi adalah daripada jurnal, artikel ilmiah, laman web sesawang dan buku-buku dari perpustakaan

7. Kajian Rintis

Kajian rintis ini dilakukan sebelum borang soal selidik sebenar diedarkan. Hal ini bertujuan bagi memastikan kebolehpercayaan alat (instrument) kajian serta bersesuaian soal selidik sama ada item-item di dalam borang selidik dapat menggunakan bahasa yang sesuai, penggunaan format serta susunan item yang betul dan juga dapat difahami dengan jelas Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). Kajian ini dilakukan kepada 30 orang. Dalam pada itu, kajian rintis ini juga membolehkan pengkaji mengenalpasti kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaikinya supaya tidak menjejaskan hasil kajian.

BENCANA BANJIR SATU TINJAUAN

Bencana ini bukanlah suatu perkara yang mudah kerana melibatkan pelbagai pihak petugas khususnya mempunyai latihan dalam menyelesaikan masalah banjir Ibrahim (2006). Perkara asas peningkatan bilangan mangsa bencana telah memberi jangkaan bahawa keperluan bantuan kemanusiaan perlulah berterusan dan adalah penting tugas menyumbang masa, kemahiran untuk membantu mereka yang memerlukan. Peranan latihan yang dibincangkan dalam berdasarkan permasalahan kajian. Latihan dalam persediaan bagi petugas memberi bantuan mangsa banjir

PUNCA BANJIR

Perubahan iklim meningkatkan cabaran berhadapan dengan bencana banjir. Perubahan iklim telah meningkatkan bencana banjir serta paras laut yang langsung meningkatkan pula impak banjir dikawasan persisiran pantai, kekerapan dan keamatan hujan lampau serta perubahan rejim banjir, justeru menambah kesulitan dalam meramal kejadian banjir Manuta dan Lebel (2005). Terdapat beberapa pemerhatian kekerapan banjir berlaku disebabkan;

1. Hujan yang berterusan jangka masa panjang
2. Air pasang tinggi
3. Saiz lembangan sungai
4. Pembangunan kawasan tadahan
5. Pembangunan Pesat
6. Infrastruktur salinan tidak mencukupi

7. Penyelenggaraan sistem saliran yang tidak sempurna

KESAN BANJIR

Kesan banjir sebenarnya amat kompleks dan dikelaskan kepada kerugian yang boleh dirasa secara langsung dan kerugian yang tidak boleh dirasa iaitu kehilangan nyawa atau upaya Parker (2000). Di Selangor, banjir akibat hujan lebat, limpahan air sungai, luruan air pasang atau tsunami telah mengakibatkan kerugian besar terhadap harta benda perumahan dan komersial, industry, infrastruktur, tanaman dan ternakan dan harta lain Chan (2002). Justeru itu, melihat pandangan daripada Mohamad dan Ibrahim (2012) banjir merupakan bencana alam yang berlaku secara semula jadi bagi kawasan yang bertopografi rendah, curahan hujan berlebihan dan tidak mempunyai saliran keluar.

Daripada segi kesan kepada masyarakat khususnya mangsa banjir termasuklah Gangguan Tekanan Pasca Trauma (PTSD), kesedihan, putus asa, gangguan emosi, depresi, kebimbangan, kecelaruan, panic dan masala kesihatan.

Namun, dari sudut lain banjir juga membawa beberapa kebaikan, antaranya banjir membawa nutrien yang menyuburkan tanah yang menjadikan tanah subur untuk pertanian, banjir menghayutkan sampah sarap dan membersihkan lembangan sungai dan banjir juga menambah simpanan air dalam tanah yang telah berkurangan pada musim kering Baharudin et al (2012).

Umumnya, cabaran utama dalam menangani banjir adalah untuk menjawab persoalan daripada masyarakat misalnya adakah potensi akan berlakunya banjir pada masa hadapan setelah pelbagai usaha mengatasi banjir dilakukan.

PENTINGNYA KEBERKESANAN LATIHAN DALAM MENGHADAPI BENCANA BANJIR

Latihan merupakan satu program pembangunan kepada setiap organisasi meningkat kemahiran bagi memastikan kejayaan sesebuah organisasi. Terdapat pelbagai kaedah dan dimensi yang sering digunakan bagi menentukan keberkesanan latihan. Dari perspektif teoretikal pula menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor mempengaruhi sebuah organisasi. Justeru itu, pihak organisasi boleh menyokong keberkesanan latihan dengan mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Merujuk Noor Syamimi et al (2013). Oleh itu, ilmu pengetahuan mengenai banjir dalam kalangan sukarelawan adalah penting serta yang melibatkan diri secara langsung perlu dititikberatkan. Ilmu itu tidak hanya menyentuh aspek faktor, proses dan kesan bencana banjir ke atas manusia sahaja, malahan turut merangkumi aspek banjir yang lain seperti bahaya risiko dan bencana banjir terutama bagi golongan yang berisiko tinggi atau kerap berhadapan dengan bencana ini.

KEBERKESANAN LATIHAN KEPADA SUKARELAWAN MENGHADAPI BANJIR

Latihan kepada sukarelawan dalam organisasi yang melibatkan dengan bencana sering menekankan keperluan pengurusan latihan bencana dan penglibatan sukarelawan yang efektif Adam (2007). Sukarelawan perlu mengenal pasti bentuk latihan yang berkait rapat dengan bencana banjir khususnya agar tidak salah dalam membuat keputusan dalam memilih keperluan yang menjadi keutamaan dalam berhadapan dengan bencana banjir. Tida semua pihak boleh melibatkan diri dengan bencana banjir ini melainkan sukarelawan tersebut telah berjaya menghadapi ujian lisan dan fizikal berkaitan menghadapi bencana banjir kerana risiko dengan kemalangan dan kematian lebih terdedah.

Sukarelawan perlu jelas dengan keadaan yang bakal dihadapi kerana bentuk bencana banjir boleh berubah daripada paras terkawal sehingga tidak terkawal dengan air semakin deras dan kuat sehingga boleh menyebabkan kehilangan nyawa, tidak dapat berada dalam air dalam tempoh yang lama kerana air ombak kuat. Namun, ini boleh dibantu dengan penyediaan bentuk latihan berbentuk psikologi yang bukan sekadar kepada mangsa ketika bencana banjir berlaku, tetapi amat membantu kepada sukarelawan mempunyai kekuatan mental Rabiei, Nakhaee & Pourhosseini (2014).

Seterusnya, peristiwa bencana yang tidak dijangka sukar untuk dikendalikan sekiranya berlaku kekurangan keperluan bantuan khusus seperti perkhidmatan kesihatan mental ketika menghadapi situasi genting Rabiei et al (2014). Pandangan Tillman (2016), keperluan bantuan latihan khusus tindakbalas dan penjagaan akan membantu sukarelawan memperkukuhkan kemahiran dan kepakaran sedia ada. Oleh itu, dalam konteks bencana yang besar organisasi sukarelawan perlu mengenalpasti keperluan sumber, intervensi, dan latihan yang bersesuaian dikalangan sukarelawan Carlile et al (2014). Keperluan yang dikenalpasti juga mampu membantu kesediaan sukarelawan terutama sekali dari sudut pengendalian emosi apabila membantu mangsa bencana.

JENIS-JENIS LATIHAN BERKAIT DENGAN BENCANA BANJIR BAGI SUKARELAWAN

1. Latihan Pemindahan Bencana Banjir

Menurut Noor Syamimi et al (2014), kebanyakan kejadian banjir berpunca daripada hujan lebat yang berlaku pada jangka masa yang berterusan atau berpanjangan sehingga menyebabkan peningkatan kuantiti air yang lebih besar daripada biasa. Walaupun dilihat perkara ini kecil dan ringan tetapi kesannya memberi impak yang besar kepada masyarakat. Maka, bersiap daripada pihak sukarelawan serta masyarakat, khususnya di daerah kekerapan berlaku banjir, mesti dibangun dengan baik agar persiapan boleh dilakukan dengan baik.

Pemahaman atas prosedur pemindahan ini perlulah diuruskan tadbir dalam waktu yang singkat kerana kekecohan yang berlaku pasti menyukarkan pihak petugas dalam operasi menyelamatkan. Ini kerana pemindahan dari tempat kejadian ke tempat yang selamat seperti dewan rakyat perlu dilakukan secara serentak kerana situasi yang genting itu perlunya mengutamakan nyawa bukan lagi harta yang dimiliki pada mangsa.

2. Latihan Berkumpul Dan Menentukan Beberapa Lokasi Yang Dijadikan Tempat Berkumpul Ketika Banjir Melanda

Menurut Mohd Zulhafiz Said, (2013) permasalahan yang timbul ketika menguruskan banjir adalah pertamanya sikap mangsa banjir. Ada dikalangan mangsa banjir yang tidak mahu berpindah dengan lebih awal ke pusat pemindahan yang disediakan. Keadaan menjadi lebih sukar dan mengambil masa apabila mangsa banjir hanya sanggup berpindah ketika keadaan banjir menjadi semakin buruk. Ini kerana, bantuan tersebut adalah diberikan hanya di satu tempat mangsa banjir berkumpul dan hanya mangsa banjir yang menetap di pusat pemindahan diberikan bantuan banjir. Sedia maklum pengurusan mangsa ini bukan terdiri daripada kaum muda sahaja tetapi adanya kaum tua yang sukar untuk diuruskan kerana faktor umur, faktor keuzuran, faktor kesihatan.

Kesan daripada mengambil mudah dan ringan apabila mendapat maklumat berkaitan berlakunya banjir di kawasan penempatan kita akhirnya memberi kesan buruk yang berpanjangan seperti gambar rajah dibawah menurut Mohd Zulhafiz Said, (2013) dalam kajian

beliau berkaitan tentang jenis barangan yang utama bakal mangsa mengalami kerugian yang perlu ditanggung dengan bantuan yang besar. Antara jenis-jenis barangan bantuan yang diberikan sementara bagi proses permindahan adalah seperti dalam Rajah 1.

Bil	Jenis Bantuan	Peratus (%)
1.	Makanan dan Air Bersih	54.26
2.	Tilam dan Tikar	38.53
3.	Selimut	31.32
4.	Pakaian	8.24
5.	Barangan Keperluan Asas	5.15
6.	Dapur Masak	2.94
7.	Kewangan	2.79
8.	Tuala Wanita	1.47
9.	Barangan Persekolahan	0.59
10.	Barangan Bayi	0.44
11.	Bantal	0.15

Rajah 1 Sumber: Menangani Masalah Banjir Di Daerah Padang Terap, Kedah: Analisis Persepsi Dan Tindakan Pemimpin Masyarakat Tempatan. Mohd Zulhafiz Said. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia Jenis-Jenis Bantuan Yang Diberikan Kepada Mangsa Banjir Di Daerah Padang Terap, Kedah 2013.

3. Latihan Mempersiapkan Beg Kecemasan

Oleh itu, menurut Wisnu Widjaja, (2017) dalam buku Latihan Kesiapsiagaan Bencana menyatakan perlu ada latihan khusus berkaitan penyediaan beg kecemasan apabila berlakunya bencana ini. Latihan ini diberi masa yang tertentu sebagai contoh dalam 40 saat perlu menyediakan beg yang diisi dengan kelengkapan peribadi seperti makanan kering, biskut, air minuman, kotak kecil berisi ubatan penting, lampu suluh yang kecil, lilin, pemetik api, kain sarung, satu baju, kad pengenalan diri dimasukkan ke dalam beg itu perlu disiapkan pada waktu yang telah ditetapkan.

Ini kerana perkara yang perlu kita bersedia sedikit persiapan kecemasan perlu dilakukan kerana agar kita dapat bertahan sementara waktu sebelum menerima bantuan khas daripada pihak kerajaan atau bantuan daripada pelbagai pihak. Sudah pasti kekecohan yang berlaku pada bencana itu ada diantara mangsa terpisah daripada ahli keluarga, dan hilang ketika bencana banjir berlaku jadi dengan adanya latihan beg kecemasan ini sekurang – kurangnya dapat bertahan dalam tempoh beberapa waktu.

4. Pengurusan Di Kawasan Bencana (Disaster Site)

Menurut Alzamani Mohammad Idrose (2011) dengan adanya petugas ditugaskan sebagai pasukan respon iaitu respon terawal untuk mendapatkan segala maklumat awal yang berlaku di 'One-Scene Commander (OSC)' bagi menyusun segala maklumat yang berlaku daripada peringkat awal terjadinya bencana agar dapat diperjelaskan dibahagian unit yang akan bertindak sebagai anggota penyelamat.

Dengan adanya pengurusan ini maka mudalah pembahagian mangsa disusun mengikut status keadaan mereka seperti mayat yang dijumpai, mangsa yang dapat diselamatkan tetapi berada dalam situasi kritikal seperti memerlukan alat penafasan, selain itu

adanya cedera parah akibat dihanyut dengan objek berat seperti kayu, besi, dan kereta. Justeru itu, dengan waktu yang singkat perlulah menubuhkan 'Medical Base Station' iaitu perlu memberikan perkhidmatan perubatan kepada mangsa yang kritikal akibat dirempuh objek berat ketika berlaku bencana banjir. Kerana ini perlu perancangan dan latihan rapi kerana menghimpunkan jumlah mangsa dalam satu masa yang sama.

5. Latihan Berenang Menyelamatkan Mangsa (*Surface Water Rescue*)

Menurut Bunting, (2006) latihan berenang itu perlulah berada dalam keadaan air yang tenang maka dengan mencari tempat yang sesuai untuk melakukan aktiviti lasak ini sebagai satu silibus latihan penting bagi setiap petugas perlu ada kemahiran berenang kerana apabila melibatkan banjir sudah pasti kemahiran berenang menjadi keutamaan. Selalunya lokasi pilihan ini agak terpencil bagi mengelakkan gangguan seperti bunyi bising dan pencemaran yang boleh mengganggu kosenstrasi dalam latihan.

Oleh itu, menurut Md Amin, (2004) latihan ini perlu dilalui bagi petugas sebagai latihan yang berteraskan kaedah pembelajaran melalui pengamalan (*experiential learning*) kerana dalam situasi latihan sudah pasti emosi kita berada dalam keadaan stabil dan tenang, tetapi apabila berada dalam keadaan yang sebenar kejadian bencana banjir sudah pasti gangguan mental terganggu kerana operasi menyelamatkan mangsa sebelum berlaku kehilangan nyawa.

Lima (5) bentuk latihan yang dikemukakan ini merupakan asas sekurangnya sukarelawan apabila melibatkan dengan organisasi secara minimum perlu lulus latihan daripada badan rasmi yang dipilih agar bersedia dalam apa jua bentuk keadaan bagi berhadapan dengan risiko tinggi. Latihan ini menumpukan bencana banjir, walaupun keperluan latihan yang pelbagai tetapi cukup bagi sukarelawan secara asasnya kerana sukarelawan bukan badan yang bersedia atau bekerja dengan sektor kerajaan seperti bomba, askar, JPAM yang perlu berjaga dalam tempoh bertugas. Namun, ini adalah persediaan awal bagi sukarelawan.

Pengenalan Amal Rescue Team (ART), Jabatan Amal Malaysia

Amal Rescue Team (ART) adalah salah satu organisasi di bawah Jabatan Amal Malaysia (JAM). ART mendapat latihan untuk menangani bencana alam dalam melaksanakan semua aspek tugas penyelamatan dan kebajikan. ART banyak terlibat dalam mengurus dan mentadbir bantuan kebajikan dan keselamatan awam dalam membantu membentuk sukarelawan untuk mendapatkan latihan profesional dalam pelaksanaan program ini. Bencana sering berlaku di luar jangkaan dan kesannya adalah kehilangan harta benda, nyawa dan kesejahteraan manusia.

ART mendapat latihan khusus dari Akademi Bomba seperti memadamkan kebakaran, menyelamatkan mangsa lemas dengan pengiktirafan daripada pusat latihan bertauliah. ART juga mempunyai anggotanya yang mahir dalam bidang pertolongan cemas. Semasa bencana, pelbagai agensi kemanusiaan bertindak balas dalam membantu pemerintah dalam proses pemulihan. Sukarelawan adalah salah satu peranan yang paling penting dalam pekerjaan bantuan bencana. Walau bagaimanapun, risiko keadaan bencana menyukarkan sukarelawan.

Justeru itu, pada tahun 2021 era dengan kepelbagai kemahiran yang telah berjaya dihimpunkan dengan adanya pelbagai unit kor dibawah ART ini bagi melahirkan tenaga pakar dan berusaha membantu badan kerajaan dalam menghadapi masalah bencana di negara ini. Pasukan ini juga telah mendapat kepercayaan dari masyarakat Malaysia dalam menjalankan agihan bantuan dan bantuan kemanusiaan banjir di seluruh Malaysia seperti Banjir di Johor, Pahang, Kelantan, Perak serta seluruh Malaysia, malah pernah diberi amanah menjalankan agihan bantuan, bantuan kemanusiaan dan sebagainya semasa bencana Tsunami di Aceh, Indonesia Jabatan Amal Malaysia (2019).

PENGLIBATAN ART SEBAGAI SUKARELAWAN DALAM BENCANA BANJIR

1. Menyelarar Dengan Menggunakan Medium Perhubungan Dengan Badan Yang Terlibat Dengan Pengurusan Bencana

Tugas utama mereka adalah untuk berada di Bilik Operasi menerima maklumat, menganalisis maklumat serta membuat keputusan sepanjang operasi berjalan. Disebalik tabir anggota Jabatan Amal Malaysia dan sukarelawan yang berkhidmat di lapangan ada satu pasukan yang tidak diketahui ramai. Menyalurkan maklumat kepada anggota Jabatan Amal Malaysia dan sukarelawan yang hadir ke setiap tempat yang terjejas. Tanpa mereka, anggota di lapangan akan hilang punca untuk ke mana dan kemungkinan semua anggota berkumpul disatu tempat dan merugikan tenaga dan dana orang ramai. Unit ini akan hadir ke tempat bencana lebih awal bagi membuat persediaan awal sehinggalah mengaturkan penyediaan jumlah sukarelawan dan peralatan yang perlu disediakan Jabatan Amal Malaysia (2019).

Merujuk kepada Utusan (2021) seramai 3,000 anggota dapat dikerahkan daripada seluruh negara bagi berkhidmat secara sukarelawan bagi membantu mangsa bencana banjir yang memerlukan bantuan. Namun, sebagai satu penambahan penerimaan masyarakat terbaru dan badan agama mengizinkan ART bagi melibatkan diri dengan bencana yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang terbaru adalah Covid-19, walaupun ini bukan melibatkan bencana banjir tetapi ini melibatkan kesihatan dan boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Menguruskan urusan *Standard Operating Prosdure* (S.O.P) seperti mana disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan penjarakkan satu (1) meter bagi setiap orang, memastikan suhu berada tidak melebihi 37c, kelengkapan diri seperti pelitup muka. Disini, walaupun tugas ini seperti kelihatan mudah, akan tetapi kesannya amat buruk apabila terkena dengan penyakit C19 ini. Berita (2020).

2. Papan Putih (*White Board*) Yang Sarat Dengan Maklumat Terkini

Sukarelawan ART yang sentiasa bersedia mengemas kini segala maklumat yang menjadi rujukan semua anggota yang terlibat bagi membantu, memahami kondisi terkini situasi bencana banjir yang dihadapi. Maklumat yang menjadi keutamaan perlu direkodkan adalah, jumlah mangsa, keadaan mangsa, situasi tempat kejadian, keperluan logistic, dan jenis bantuan yang diperlukan bagi memastikan bantuan segera dapat diserahkan dengan baik dalam tempoh yang singkat sebelum keadaan menjadi lebih sukar.

3. Penyelarasan Bantuan Beg Makanan

ART dengan menggerakkan tabung kecemasan dengan pelbagai negeri bagi mengumpulkan jumlah kewangan yang diperlukan bagi penyediaan makanan seperti Rajah 1 diatas Mohd Zulhafiz Said (2013), bagi memastikan keselamatan nyawa perlu diselamatkan terlebih dahulu. Mengenalpasti maklumat mangsa dan jenis keperluan yang diperlukan oleh mangsa, sukarelawan akan menyerahkan keperluan dan dana kebajikan. Penglibatan ART bukan tertumpu kepada satu negeri sahaja, tetapi berkembang ke seluruh negara yang terlibat dengan membantu menghadapi bencana ini, Amal Perak (2016) diantaranya;

1. Misi Bantuan Bencana Banjir Besar di Johor.
2. Misi Bantuan Bencana Banjir di Kelantan.
3. Misi Bantuan Bencana Banjir di Pasir Salak, Perak.
4. Misi Bantuan Bencana Banjir di Manjung, Perak.
5. Misi Bantuan Kemanusiaan Tsunami di Aceh, Indonesia.
6. Misi Bantuan Bencana Ribut di Bagan Datoh, Hutan Melintang, Perak.
7. Misi Bantuan Mencari Mangsa Jambatan Gantung Runtuh,

Kuala Dipang, Kampar, Perak.

8. Misi Bantuan Bencana Banjir Kuala Dipang, Kampar, Perak.

KERJASAMA AMAL RESCUE TEAM (ART) DENGAN AGENSI KERAJAAN

Merujuk kepada Harakah (2018), penglibatan ART dengan agensi Bomba dan Penyelamat serta Tertera dalam misi bantuan banjir di Bintulu, Sarawak. ART, ditubuhkan dengan aktiviti kebajikan dan menghimpunkan sukarelawan yang pelbagai latarbelakang pengajian dan pekerjaan. Dengan kerjasama dengan agensi kerajaan, tugas utama dengan adanya pelbagai kebolehan dalam menguruskan mangsa bencana banjir ini, lebih terurus dengan adanya bantuan agensi kerajaan seperti penggunaan logistic peralatan mengangkat barang, kenderaan besar bagi penghantaran barang makanan dengan kuantiti yang besar.

KESIMPULAN

Kejadian bencana banjir merupakan malapetaka yang menyebabkan kemusnahan harta benda dan kematian yang tertinggi dicatatkan, sepertimana yang seringkali dilaporkan oleh media masa dan media elektronik. Peningkatan jumlah kemusnahan harta benda dan kematian boleh dikaitkan dengan tahap kesediaan petugas atau mangsa banjir dalam menghadapi bencana tersebut. Dengan kata lain, adakah, masyarakat di kawasan yang berisiko telah membuat persediaan yang mencukupi dalam menghadapi bencana alam tersebut. Ini kerana dengan adanya persediaan awal di kalangan masyarakat dan pihak terlibat daripada pelbagai aspek akan membantu mereka menghadapi bencana banjir dengan lebih bersedia dan berhati-hati.

Selain itu dengan membuat persediaan awal juga boleh mengelakkan suasana panik atau cemas di kalangan masyarakat dan kerajaan, apabila berlakunya kecemasan. Dengan adanya persediaan yang rapi dan baik terutamanya dalam aspek pengetahuan atau pengalaman, masyarakat dan pihak terlibat akan lebih berkeyakinan membantu mangsa banjir sewaktu situasi kecemasan berlaku. Tambahan itu, dari aspek kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa juga mampu dikurangkan atau ditangani sekiranya anggota masyarakat dan pihak terlibat membuat persediaan awal menghadapi sebarang bencana.

Walaupun jika diimbaz kembali, sebenarnya kejadian banjir merupakan salah satu fenomena alam semula jadi yang perlu ditanggung oleh semua penghuni bumi. Dalam mengkaji kesediaan masyarakat menghadapi bencana banjir, beberapa konsep asas seperti banjir, kesediaan diri secara dalaman dan luaran dalam konteks menghadapi bencana banjir perlu difahami agar dapat gambaran secara lebih jelas. Oleh itu, kajian ini diusahakan ini bertujuan untuk menilai tahap kesediaan yang dimiliki oleh badan yang terlibat yang seringkali terlibat dengan bencana banjir dan menyebabkan kerugian harta benda berjumlah jutaan ringgit serta kehilangan nyawa.

BIBLIOGRAFI

- Adams, L. M. (2007). Mental Health Needs Of Disaster Volunteers: A Plea For Awareness. Perspectives In Psychiatric Care, 43(1), 52-54.
- Ahmad Dahlan, Abdul Rahman, Mohd Dahan, Hayati, Mohd Saman, & Md Yazid. (2013). The Success Factors For Government Information Sharing (Gis) In Natural Disaster Management And Risk Reduction. In: International Conference On Ict For The Muslim World (Ict4m) 2013, 25 - 27 March 2013, Rabat, Morocco.

Alzamani Mohammad Idrose. 2011. Penyediaan Pelan Tindakan Bencana. Klinik Perubatan Kecemasan Dan Trauma. Hospital Kuala Lumpur. 2012. Beberapa Peristiwa Banjir Besar Dan Tindakan Mengawal Banjir Di Malaysia.

Bunting, C. J. 2006. Interdisciplinary Teaching through outdoor education. Illinois: Human Kinetics

Chan Ngai Weng. 2002. Pembangunan, Pembandaran Dan Peningkatan Bahaya Dan Bencana Air di Malaysia: Isu, Pengurusan, Cabaran. Syaharan Umum Pelantikan Profesor. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Carlile, J. A, Mauseth, K, Clark, N. E, Cruz, J. L, & Thoburn, J. W. (2014). Local Volunteerism And Resilience Following Large-Scale Disaster: Outcomes For Health Support Team Volunteers In Haiti. *International Journal Disaster Risk Science*, 5(3), 206-213.

Ibrahim, M. S, & Fakhru'l-Razi, A. (2006). Disaster Types In Malaysia: An Overview. *Disaster Prevention And Management Journal*

Ishak, Noor Syamimi, Mohamed Dali Dan Azharuddin. 2014. Banjir Besar 1926 Di Semenanjung Malaysia. In: *23rd International Conference Of Historians Of Asia 2014* (Iaha2014), 23 - 27 Ogos 2014, Alor Setar, Kedah, Malaysia.

Kamus Dewan Dan Pusataka. 2007. Edisi Ke-Empat.

Manuta, J. & Lebel, L. (2005). Climate Change and The Risk Of Flood Disaster In Asia: Crafting Adaptive And Just Institutions. *Proceeding Of International Workshop On Human Security And Climate Change*, Oslo.

Md Amin, M. T. 2004. A residential outdoor education camp and environmental attitudes: A case study. Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan, University of Otago, Otago, New Zealand.

Mohammad Abdul Rahman & Ibrahim Komoo. 2012. Keadaan Topografi Dan Peristiwa Banjir Di Johor. Dlm. Baharudin Yatim, Maimon Abdullah Dan Salmijah Surif (Eds.) *Banjir Besar Johor*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 31-45.

Mohd Zulhafiz Said, Salfarina Abdul Gapor, Abd Malik Abd Aziz. 2013. Menangani Masalah Banjir Di Daerah Padang Terap, Kedah: Analisis Persepsi Dan Tindakan Pemimpin Masyarakat Tempatan. Mohd Zulhafiz Said. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia Jenis-Jenis Bantuan Yang Diberikan Kepada Mangsa Banjir Di Daerah Padang Terap, Kedah.

Mohd Najib. 2003. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan E-Learning Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Empat. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia

Mohd. Najib Abdul Ghaffar (2003). Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Noor Hazani. 2004. Hubungan Antara Pemindahan Latihan Dengan Faktor Individu Dan Persekitaran Kerja: Satu Kajian Kes Di TNB Kawasan Johor Bahru, Johor. Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia.

Rabiei, A, Nakhaee N & Pourhosseini. 2014. Shortcomings In Dealing With Psychological Effects Of Natural Disasters In Iran. *Iranian Jurnal Public Health*, 43(8), 1132-1138

Ruhizan Mohammad Yasin, Faizal Amin Yunus, Ridwan Che Rus, Mohd Bekri Rahim. 2014. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Pemindahan Pembelajaran berdasarkan Pendekatan Model Rasch: Kajian Rintis. *First Technical and Vocational Education International Seminar 2014*.

Tuan Pah Rokiah Syed Hussain. 2014. Kesediaan Diri Anggota Masyarakat Daripada Perspektif Psikologi Berkaitan Bencana Banjir Di Daerah Segamat. Pusat Pengajian Kerajaan. Kolej Undang-Undang, Kerajaan Dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia.

Tillman F. 2016. Picking Up The Pieces: The Role Of The Counselor In Disaster Relief. In C. M. Brackette (Ed.), *Professional Counseling Programs (Disaster Relief Ed., Pp.*

4). Mercey University Research Scholarship And Archives: Mercey University Retrieved From [Http://Hdl.Handle.Net/10898/3689](http://hdl.handle.net/10898/3689).

Wisnu Widjaja. 2017. Buku Pedoman Latihan Kesiapsiagaan Bencana. Membangun Kesadaran, Kewaspadaan Dan Kesiapsiagaan Dalam Menghadapi Bencana. Deputi Bidang Pencegahan Dan Kesiapsiagaan. Badan Nasional Penanggulangan Bencana.

Zhang, D, Zhou, L, & Nunamaker Jr, J. F. (2002). A Knowledge Management Framework For The Support Of Decision Making In Humanitarian Assistance/Disaster Relief. Knowledge Of Information System, 4(3), 370-385.

Laman Sesawang

Amalperak.blogspot.com/p/blog-page_20.html

Berita.pas.org.my/jabatan-amal-pahang-kawal-pergerakan-semasa-solat-jumaat-di-pahang/Harakahdaily.net/index.php/2018/02/12/banjir-eratkan-jabatan-amal-dengan-agensi-kerajaan/

Jabatanamal.com/tugas-tugas/

Utusan.com.my/berita/2021/01/3000-anggota-unit-amal-pas-bantu-mangsa-banjir/